



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 33

Selasa

24 Oktober 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Blok Bangunan Tidak Selamat di SMK Semerah, Batu Pahat**
– YB. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) [Halaman 1]
- **Langkah-langkah yang telah Diambil oleh Kerajaan Bagi
Melaksanakan Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asal**
– YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy (Kota Kinabalu) [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 24 Oktober 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Blok Bangunan Tidak Selamat di SMK Semerah, Batu Pahat

2.34 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu isu setempat berkenaan sebuah blok bangunan JKR 935 yang tidak selamat di sekolah Menengah Semerah, Batu Pahat. Isu berkaitan blok bangunan tidak selamat ini bukanlah isu baru, malah ianya telah mula dibangkitkan sejak tahun 2007 lagi dan apabila pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Batu Pahat telah membuat pemeriksaan dan telah mengesahkan bahawa blok bangunan berkenaan berada dalam keadaan tidak selamat.

Saya telah menulis surat dan telah juga menerima maklum balas dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi surat bertarikh 2 Julai 2015, yang memaklumkan bahawa projek penggantian blok bangunan tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan permohonan KPM kepada Unit perancangan Ekonomi (EPU) tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga Rancangan Malaysia Kesebelas.

Seterusnya, menerusi hasil tinjauan saya ke tapak pada 13 September 2017 dan saya telah dimaklumkan bahawa isu ini boleh diselesaikan dengan salah satu cara yang berikut:

- (i) dimasukkan di dalam senarai bangunan daif di bawah program penggantian sekolah daif dan digantikan dengan *lightweight* IBS. Ianya tertakluk jika program penggantian sekolah daif berkenaan masih diteruskan pada masa hadapan;

- (ii) diadakan peruntukan untuk membaik pulih bangunan JKR 935 yang sedia ada;
- (iii) diangkat semula permohonan kepada EPU untuk kelulusan butiran projek dalam RP4 Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sesungguhnya isu ini sedikit sebanyak telah mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah berkenaan berikutan para pelajar dan guru hanya boleh menggunakan kelas di tingkat bawah bangunan berkenaan sahaja manakala di tingkat atas sudah tidak dapat digunakan lagi disebabkan keretakan yang berlaku di bangunan tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan lebih lanjut dan terkini dari pihak kementerian mengenai status isu ini dan apakah alternatif yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah ini bagi mengelakkan ianya berlarutan lebih lama lagi.

Soalan seterusnya, apakah pihak kementerian masih meneruskan program penggantian sekolah daif ini dan apakah kriteria yang ditetapkan bagi membolehkan pihak sekolah memohon untuk menggantikan bangunan yang tidak selamat tersebut dan bilakah penggantian bangunan ini boleh dilaksanakan di SMK Semerah di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih uan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan Isu Blok Bangunan Tidak Selamat di SMK Semerah, Batu Pahat, Johor. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Isu blok bangunan tidak selamat di SMK Semerah, Batu Pahat telah mula diberi perhatian pada tahun 2005. Jabatan Kerja Raya (JKR) Batu Pahat yang menjalankan siasatan di sekolah ini telah melaporkan hasil siasatan mereka kepada JKR Johor. Mereka mencadangkan agar siasatan terperinci dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Pakar JKR. Ekoran itu, satu pemeriksaan dan perbincangan pihak JKR bersama-sama pihak sekolah telah dibuat pada 27 Mac 2007 dan hasil perbincangan adalah seperti berikut:

- (i) bangunan yang terlibat merupakan sebuah bangunan sekolah dua tingkat berukuran 180 kaki x 25 kaki yang dibina pada tahun 1964. Bangunan ini pernah mengalami kebakaran pada

- keseluruhan struktur bumbung pada tahun 1969. Kedudukan bangunan yang strategik merupakan laluan utama pelajar-pelajar ke kantin dan juga surau;
- (ii) bangunan ini terdiri daripada lima buah bilik darjah dan tandas di tingkat atas. Manakala di tingkat bawah terdiri daripada bilik kaunseling pelajar, bilik komputer, bilik peperiksaan, bilik sukan, dua buah bilik darjah dan tandas. Bilik kaunseling pelajar, bilik komputer dan tandas di tingkat bawah masih digunakan. Bilik-bilik di tingkat atas telah dikosongkan; dan
 - (iii) hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan rasuk tingkat atas di sekeliling luar bangunan masih berlaku rekahan dan pecahan konkrit. Terdapat juga kesan rekahan pada lantai tingkat atas. Adalah dikhuatiri jika pecahan konkrit ini jatuh akan terkena murid.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak berkompromi dengan risiko keselamatan bangunan sekolah yang uzur. Pada bulan April 2007, bangunan tersebut dikosongkan kerana dikhuatiri *concrete cover* akan terjatuh ke atas murid dan guru. Sebagai langkah proaktif, pada 4 April 2007, Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan telah menghantar surat kepada pihak JKR untuk memohon status selamat menduduki bangunan tersebut. Pihak IKRAM Sendirian Berhad juga telah mengemukakan satu surat rasmi pada 19 Jun 2008 kepada Pengarah Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan menyatakan keputusan Ujian Bahan yang dibuat.

■1440

2.40 ptg.

Kementerian Pendidikan Malaysia masih terus berusaha untuk menangani isu ini dengan menyenaraikan projek pembangunan fizikal SMK Semerah, Batu Pahat melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi tidak mendapat kelulusan agensi pusat. Maklumat permohonan projek SMK Semerah yang diangkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah seperti berikut:

- (i) tahun 2011 *Rolling Plan* Pertama RMKe-10;
- (ii) tahun 2012 *Rolling Plan* Kedua RMKe-10;
- (iii) tahun 2013 *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10; dan
- (iv) tahun 2014 *Rolling Plan* Keempat RMKe-10

KPM terus mengemukakan permohonan projek bangunan gantian lapan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain dalam RMKe-11 bagi memastikan bangunan

yang tidak selamat di SMK Semerah diganti dengan blok bangunan baharu. Namun pelaksanaan projek tersebut bergantung kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menghargai peranan Yang Berhormat Parit Sulong yang telah memberi perhatian berat kepada isu sekolah ini sejak awal lagi. Inilah contoh pemimpin yang berjiwa rakyat dan sentiasa mendapatkan maklumat sebenar bagi menyelesaikan isu setempat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi, kami telah menjawab surat Yang Berhormat pada tahun 2015 berhubung status projek sekolah tersebut yang tidak dapat dilaksanakan sehingga diluluskan oleh agensi pusat.

Walaupun isu blok bangunan tidak selamat tidak dapat diselesaikan sehingga mendapat laporan teknikal daripada pihak JKR, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia komited membantu aspek penyelenggaraan sekolah tersebut. Pada tahun 2013, kerja-kerja penyelenggaraan pagar sekolah melibatkan kos RM40,000 telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap keselamatan sekolah. Pada tahun 2014, kerja-kerja mengecat bangunan sekolah melibatkan kos RM50,000 telah dilaksanakan. Pada tahun 2015 pula, kerja-kerja penyelenggaraan bumbung sekolah melibatkan kos RM40,000 dilaksanakan.

Sekolah ini juga telah mendapat kos penyelenggaraan di bawah Tabung Khas Bajet 2017 iaitu kerja-kerja penyelenggaraan pagar sekolah melibatkan kos RM30,000. Oleh itu, perlu saya tegaskan di sini bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil tindakan segera atas sebarang isu yang dibangkitkan untuk memastikan keselamatan, kebajikan dan kelangsungan pembelajaran dan pengajaran murid.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong yang turut menyumbangkan RM200,000 untuk menampung sebahagian kos pembinaan tambahan dewan terbuka di sekolah tersebut. Pada masa ini projek pembinaan tambahan bagi dewan terbuka sekolah telah siap sepenuhnya dan sedia digunakan untuk program sekolah.

Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Parit Sulong yang telah membuat tinjauan ke sekolah tersebut pada 13 September 2017. Pada tarikh tersebut juga pegawai Yang Berhormat Parit Sulong bersama-sama pegawai kanan Bahagian Pembangunan Pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan

Negeri Johor dan PPD Batu Pahat mengadakan lawatan pemantauan status selamat bangunan JKR935 SMK Semerah Batu Pahat.

Hasil daripada lawatan tersebut, dua cadangan telah dibincangkan untuk menangani isu sekolah ini iaitu:

- (i) bangunan sekolah didapati usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki dan disyorkan supaya dirobohkan; dan
- (ii) SMK Semerah akan dimasukkan ke dalam senarai keutamaan dalam Projek Sekolah Daif tahun 2018 dengan gantian enam bilik darjah menggunakan kaedah pembinaan IBS, tertakluk kepada bajet dan kedudukan kewangan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan utama untuk pembinaan bangunan gantian yang baharu ialah laporan teknikal daripada pihak JKR yang mengesahkan bangunan sedia ada tidak selamat diduduki. Oleh itu, sebagai langkah segera Kementerian Pendidikan Malaysia akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan yang turut dianggotai oleh JKR. Jawatankuasa itu bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan, penyediaan laporan teknikal dan sijil pelupusan bagi sekolah tersebut. Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengangkat permohonan gantian penuh dalam *Rolling Plan* keempat Rancangan Malaysia Kesebelas untuk kelulusan agensi pusat.

Sebagai langkah jangka pendek, satu mesyuarat penyelarasan di antara JPN Johor dan JKR Negeri Johor akan diadakan pada bulan Disember 2017 bagi melihat keperluan penyelenggaraan sekolah-sekolah seluruh negeri Johor pada tahun 2018. Isu SMK Semerah ini akan turut diberi keutamaan. Kementerian Pendidikan Malaysia juga melihat kemungkinan dan kesesuaian untuk membekalkan kabin sebuah bilik kelas sementara untuk langkah-langkah lain yang lebih sesuai untuk memastikan keselamatan dan kebajikan murid. Langkah jangka panjang untuk pembinaan bangunan gantian akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan agensi pusat dan mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Langkah-langkah yang telah Diambil oleh Kerajaan Bagi Melaksanakan Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asal

2.45 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Deklarasi PBB mengenai Hak-hak Orang Asal (UNDRIP)

telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2007. Namun, kerajaan tidak mematuhi janjinya untuk melaksanakan Deklarasi PBB tersebut.

Orang Asal Malaysia dikenal pasti oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai kumpulan yang paling terpinggir di negara ini. Pertubuhan-pertubuhan pribumi, Majlis Peguam Malaysia, universiti, NGO dan SUHAKAM sebaliknya telah bekerjasama untuk menganjurkan pelbagai program untuk tindakan kesedaran dan pemahaman Deklarasi PBB mengenai Hak-hak Orang Asal. Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula kerajaan tidak mempromosikan dan menyebarkan kesedaran tentang UNDRIP di pelbagai jabatan kerajaan di semua peringkat?

Dalam Laporan Penyiasatan Kebangsaan ke Hak-hak Tanah Orang Asal, SUHAKAM mencadangkan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Bebas bagi Orang Asal. Tuan Yang di-Pertua, apakah status cadangan ini? Dalam empat tahun sejak laporan tanah, kenapa kerajaan tidak menjemput mana-mana wakil dari organisasi akar umbi masyarakat orang asal menjadi sebahagian daripada perbincangan dan strategi pelaksanaan Deklarasi PBB tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Penyiasatan Kebangsaan ke Hak Tanah Orang Asal, SUHAKAM mencadangkan supaya JAKOA boleh bergerak secara bebas dan komprehensif. Kami sedar bahawa Pasukan Petugas Kebangsaan telah membuat cadangan yang berbeza. Laporan SUHAKAM menunjukkan bagaimana JAKOA gagal melaksanakan tugasnya. Kenapa kerajaan tidak menyiasat dan mengkaji semula organisasi untuk menentukan perubahan yang perlu dibuat terlebih dahulu untuk meningkatkan akauntabiliti JAKOA?

Mengenai pendidikan untuk masyarakat asal pula, terdapat banyak kes pelajar Orang Asli yang didera di sekolah. Contohnya, di SK Pos Tohoi dan SK Pos Piah. Apakah inisiatif kerajaan untuk menangani diskriminasi, gangguan dan penderaan yang dihadapi ramai pelajar orang asal di sekolah.

Pada Jun 2015, Kerajaan Persekutuan membuat keputusan untuk melaksanakan 18 cadangan yang terkandung dalam Laporan SUHAKAM 2013, Siasatan Kebangsaan ke Hak Tanah-tanah Adat di Malaysia (yang juga dikaji dan disahkan oleh Pasukan Petugas Kebangsaan pada tahun 2014), untuk pengiktirafan tanah Orang Asli dan kawasan tanah adat di Sabah dan Sarawak.

■1450

Apakah tindakan yang telah diambil? Apakah tindakan Kerajaan Persekutuan terhadap aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah di Sabah dan Sarawak, Johor,

Selangor, Kelantan dan negeri lain yang telah mengganggu-gugat kehidupan orang asal? Sekian, terima kasih.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1 Malaysia Negaraku. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pada 13 September 2007, Malaysia telah menandatangani *United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP) atau dikenali sebagai Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Deklarasi tersebut telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB semasa sesi ke-61 tahun 2007 dan telah diluluskan dengan undian 143 menyokong, empat menolak, 11 berkecuali, yang mana Malaysia telah menyokong Deklarasi tersebut. Ia membuktikan bahawa komitmen Malaysia untuk memastikan hak asasi masyarakat orang asal dilindungi dan diketengahkan.

Tujuan Deklarasi tersebut antara lain adalah untuk memperkukuhkan hak orang asal melalui kerangka sejangat yang ditubuhkan dengan menetapkan tahap minimum untuk memastikan maruah serta kebajikan orang asal terjamin. Deklarasi tersebut juga bertujuan untuk membangunkan piawaian hak asasi manusia dan kebebasan orang asal dengan mengambil kira keadaan khas yang dihadapi oleh mereka.

Secara amnya, deklarasi tersebut yang mempunyai 46 Artikel yang menegaskan bahawa orang asal mempunyai hak untuk menikmati sepenuhnya kesemua hak asasi manusia dan kebebasan yang termaktub dalam Piagam PBB, ia juga menyatakan bahawa orang asal adalah bebas daripada apa-apa jua bentuk diskriminasi dalam menggunakan hak asasi mereka, terutamanya hak asasi yang berdasarkan identiti mereka sebagai orang asal .

Selain itu, deklarasi tersebut juga menyatakan bahawa orang asal mempunyai hak untuk mengekalkan dan memperkukuhkan institusi mereka yang khas (*distinct*) dalam bidang politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan budaya, sekiranya mereka memilih untuk mengambil bahagian dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan negara di negara masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan juga turut menekankan pendekatan pembangunan *in-situ* dan turut mengiktiraf prinsip utama yang ditekankan di dalam UNDRIP, iaitu prinsip Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) di dalam projek

pembangunan tanah Orang Asli. Bagi sebarang projek pembangunan yang melibatkan masyarakat Orang Asli, pihak kerajaan melalui JAKOA akan melaksanakan rundingan terlebih dahulu bagi mendapatkan maklum balas dan persetujuan daripada masyarakat Orang Asli yang terbabit.

Pada tahun 2017, JAKOA telah menerima peruntukan bajet pembangunan sebanyak RM115.9 juta bagi memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Orang Asli memainkan peranan dan terlibat secara langsung dalam proses perancangan tersebut, di mana maklum balas pihak Orang Asli diambil kira sebelum keputusan perancangan dibuat. Selain itu juga, tokoh-tokoh masyarakat Orang Asli yang meliputi wakil belia, NGO, pemimpin masyarakat dan kumpulan profesional dilibatkan sebagai ahli dalam Mesyuarat Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya status UNDRIP di bawah undang-undang antarabangsa hanya bersifat "*soft law*", dengan izin, dan tidak mengikat. Kedudukan ini bermaksud bahawa sesebuah negara tidak mempunyai obligasi untuk melaksanakan peruntukan yang terkandung dalam UNDRIP kerana UNDRIP hanya menuntut obligasi moral dan bukannya obligasi perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen Kerajaan berhubung orang asal dan Asli seterusnya adalah melalui penyediaan Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP). Kajian yang mengambil tempoh selama 18 bulan ini adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) yang melibatkan lima teras utama, di mana salah satu daripada teras tersebut ialah berkaitan dengan Hak Orang Asal dan Orang Asli. Dalam kajian NHRAP Teras empat tersebut, UNDRIP adalah antara instrumen antarabangsa yang dirujuk, selain daripada Penilaian Berkala Sejangat (UPR) dan *International Labour Organization* (ILO).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan Hak Tanah Adat Orang Asal dan Orang Asli (JKKHTOA) telah mengambil maklum dan bersetuju dengan 17 syor yang dicadangkan oleh Laporan SUHAKAM yang meliputi 50 tindakan yang terdiri daripada 26 tindakan jangka pendek, 21 tindakan jangka sederhana dan tiga tindakan jangka panjang.

Satu daripada syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM mengenai penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan Mengenai Orang Asal dan Orang Asli telah ditolak memandangkan terdapat negeri-negeri yang telah pun mempunyai mekanisme khusus

bagi menangani isu tanah Orang Asal dan Orang Asli. Walau bagaimanapun, di dalam kajian NHRAP yang dibangunkan oleh BHEUU, Jabatan Perdana Menteri, syor tersebut dicadangkan untuk dilihat semula keperluan penubuhannya oleh pihak kerajaan dan cadangan penubuhannya akan dibawa semula ke mesyuarat JKKHTOA yang akan datang.

Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri (BITU) selaku sekretariat kepada mesyuarat JKKHTOA telah mengadakan beberapa siri Rundingan Meja Bulat *Roundtable Discussion* (RTD) bersama-sama dengan wakil-wakil dari agensi Persekutuan dan negeri, termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Berdasarkan sesi RTD tersebut, semua agensi dan kerajaan negeri menyambut baik dan bersetuju dengan pelaksanaan UNDRIP tersebut.

Kemudiannya, hasil daripada sesi *roundtable discussion* tersebut, ia telah dibentangkan dalam mesyuarat JKKHTOA yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 7 April 2016. Lanjutan daripada itu, terdapat enam tindakan susulan yang perlu dilaksanakan oleh agensi yang terlibat. Salah satu daripada tindakan susulan tersebut ialah mesyuarat bersetuju supaya satu garis panduan diwujudkan bagi memastikan tahap keterlibatan orang asal dan Orang Asli dalam agenda pembangunan mesti menepati prinsip IMABT dan juga UNDRIP. Hal ini kerana pelaksanaan *engagement* telah pun dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri tetapi tahap keterlibatan masih tidak mempunyai satu garis panduan yang khusus.

Selain itu juga, bagi mengatasi isu berkaitan perjawatan dan tugas yang semakin mencabar, JKKHTOA telah bersetuju supaya penstrukturan semula JAKOA. Penstrukturan semula ini akan melibatkan gred-gred jawatan di Ibu Pejabat JAKOA, enam Pejabat JAKOA Negeri dan 37 Pejabat JAKOA Daerah. Kenaikan-kenaikan gred ini dilihat perlu dilaksanakan bagi memastikan kelancaran tugas yang semakin mencabar di pelbagai peringkat.

JKKHTOA juga mengambil maklum dan bersetuju dengan hasil laporan *roundtable discussion* tersebut, di mana kesemua negeri bersetuju dengan langkah jangka pendek untuk mengemas kini sistem dan prosedur pengurusan tanah sedia ada, meningkatkan keterlibatan orang asal dan Orang Asli dan menangani isu ketidakseimbangan pembangunan tanah. JKKHTOA juga bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli dilaksanakan di bawah seksyen 6 dan 7, Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] bagi memberi jaminan pegangan kekal hak tanah kepada Orang Asli.

Cadangan Pewartaan Tanah kepada Orang Asli ini telah dibentangkan dalam

Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri pada 10 Mei 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Mei 2016 dan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia pada 5 September 2016 dan bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli dibuat di bawah seksyen 6 dan atau 7, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Susulan daripada itu, JAKOA dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah diminta untuk menyediakan Garis Panduan bagi memperincikan tatacara kerja pelaksanaan pewartaan tanah orang asal dan Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, tiada definisi khusus yang wujud bagi Tanah Pegangan Adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, di bawah langkah jangka panjang, satu kajian menyeluruh mengenai konsep pegangan tanah adat Orang Asli sedang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai isu-isu sosial berkaitan adat, tradisi dan amalan budaya hidup masyarakat Orang Asli. Kajian tersebut yang akan bermula pada tahun 2018 dan akan dijadikan asas kepada pindaan undang-undang yang berkaitan. Justeru, adalah tidak wajar untuk mengatakan bahawa kerajaan tidak mematuhi janji untuk melaksanakan Deklarasi PBB tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 25 Oktober 2017. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]